


# PELAN STRATEGIK 2021-2025

**BERDAYA • BERBAKTI • BERKUALITI**

*"PELANGGAN DIUTAMAKAN, PERKHIDMATAN DITINGKATKAN"*

MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM



# SIDANG REDAKSI

**PENAUNG**
TUAN AZMAN BIN DAHLAN, AIS., PPT.
YANG DIPERTUA

**PENASIHAT**
TUAN MOHD MUKTAFI BIN SARPAN, PPT.
SETIAUSAHA

**JURUREKA DAN SUNTINGAN BUKU**
NUR AZIERA BINTI ABD RANI (KETUA)
ISMAIL FAIRIZ BIN BASIRON

**SUNTINGAN MONTAJ DAN VIDEO PELANCARAN**
TPr. MOHD RASYID BIN ZAINAL (KETUA)
MOHD HIDAYAT BIN ABD. RAZAK
MOHAMMAD FAIZAL BIN NAWANI

**HEBAHAN DAN PROMOSI**
NORAINI BINTI AHMAD (KETUA)
SITI FATHDILLAH BINTI MHD AMIN

**TEKNIKAL KHAS**
HAJAH ROSMAH BINTI HAJI IHSAN, PPC. (KETUA)
NORAZILAH BINTI ABDULLAH
MOHD RIDHWAN BIN IKHSAN

**DENGAN KERJASAMA**
JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN
JABATAN PENILAIAN DAN PERNGURUSAN HARTA
JABATAN PERKHIDMATAN KESIHATAN DAN PERSEKITARAN
JABATAN PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN
JABATAN KEJURUTERAAN
JABATAN KAWALAN BANGUNAN
JABATAN LANDSKAP
JABATAN PELESENAN
JABATAN PENGUATKUASAAN
JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT
BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
UNIT PUSAT SETEMPAT
UNIT KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM
UNIT PERUNDANGAN
UNIT AUDIT DALAM
UNIT PESURUJAYA BANGUNAN (COB)
UNIT PEROLEHAN
UNIT INTEGRITI

**DITERBITKAN OLEH :**
UNIT KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM,
MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM,
JALAN DEWAN,
45300 SUNGAI BESAR, SELANGOR
TEL: 03-3224 1655 | FAKS: 03-3224 5399

# ISI KANDUNGAN


## 1.0 PERUTUSAN YANG DIPERTUA
MS 2

## 2.0 PENGENALAN
MS 4 - 12
2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF
2.2 LATAR BELAKANG
2.3 CARTA ORGANISASI
2.4 FUNGSI DAN PERANAN
2.5 PUNCA KUASA

## 3.0 SENARIO PERSEKITARAN
MS 14 -16
3.1 PIHAK BERKEPENTINGAN, PELANGGAN DAN RAKAN STRATEGIK
3.2 ISU-ISU STRATEGIK DAN ANALISA PERSEKITARAN

## 4.0 HALA TUJU STRATEGIK
MS 18 - 20
4.1 VISI, MISI, MOTO DAN SLOGAN
4.2 NILAI - NILAI BERSAMA

## 5.0 STRATEGIK DAN FORMULASI TINDAKAN
MS 22 - 32
5.1 TERAS STRATEGIK
5.2 PELAN TINDAKAN

## 6.0 PEMANTAUAN DAN KAJIAN SEMULA
MS 40

## 7.0 PENCAPAIAN MDSB 2016 - 20120
MS 42 - 45

## 8.0 PENUTUP
MS 47 - 50
GLOSARI

# PERUTUSAN
## YANG DIPERTUA

MDSB MDSB MDSB

# PERUTUSAN YANG DIPERTUA



1.0

Bismillahirarahmanirahim
Assalamualaikum wbt dan salam sejahtera.

Alhamdulillah, setinggi-tinggi rasa syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya, Pelan Strategik Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB) 2021-2025 berjaya diterbitkan. Pelan Strategik ini merupakan dokumen hala tuju strategik MDSB bagi tempoh lima tahun. Ia juga merupakan satu manifestasi kepada semua pemegang taruh, pelanggan dan rakan strategik untuk menjayakan visi dan misi yang telah digariskan.

Sabak Bernam disasarkan untuk menjadi sebuah perbandaran mampan, dinamik, sistematik dan bestari menjelang tahun 2025. Segala perancangan perlu dilaksanakan mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan bagi memastikan perkhidmatan yang terbaik dapat diberikan kepada semua pelanggan.

Impian harus dijadikan kenyataan dengan bekerja sebagai satu pasukan bagi mencapai matlamat Sabak Bernam Kota Agropolitan. Alam sekitar yang bestari perlu dipelihara untuk kelangsungan hidup. Hasil yang muai perlu dituai untuk dimanfaatkan sepenuhnya dan diwariskan kepada generasi yang akan datang.

Semoga segala yang direncanakan dapat direalisasikan bagi mencapai tahap berprestasi tinggi dalam semua bidang.
Sekian, terima kasih.

"Sabak Bernam Kota Agropolitan"

**AZMAN BIN DAHLAN, AIS., PPT.**
**YANG DIPERTUA.**
**MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM.**

2.0

# PENGENALAN

2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

2.2 LATAR BELAKANG

2.3 CARTA ORGANISASI

2.4 FUNGSI DAN PERANAN

2.5 PUNCA KUASA

MDSB

MDSB



# 2.1 RINGKASAN **EKSEKUTIF**

Pelan Strategik Majlis Daerah Sabak Bernam diwujudkan sebagai garis sasaran pencapaian untuk membantu pihak pengurusan serta semua kakitangan menjalankan tugas masing-masing.

Dokumen ini telah dihasilkan secara kolektif dengan percambahan idea daripada semua lapisan dalam menentukan hala tuju MDSB.Pelan strategik ini akan menjadi hala tuju organisasi dalam tempoh lima tahun ini yang dilihat dalam skop yang lebih luas.

Selaras dengan visi, misi dan objektif MDSB sepanjang tempoh 2020 sehingga 2025 diharap MDSB dapat mencapai visi untuk menjadi Kota Agropolitan. Semoga MDSB akan terus memperkasakan dan memfokuskan visi dan misi untuk terus maju dan berada dalam landasan yang tepat demi kesejahteraan rakyat dan perkhidmatan yang lebih cemerlang.



*D'MUARA MARINE PARK, SUNGAI HAJI DORANI*

# 2.2 LATAR BELAKANG

Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB) adalah salah sebuah daripada 12 Pihak Berkuasa Tempatan yang terdapat di seluruh Negeri Selangor. Pihak Berkuasa Tempatan bagi Daerah Sabak Bernam ini mula dikenali sebagai Majlis Daerah Sabak Bernam sejak tahun 1977. Sebelum MDSB diisytiharkan sebagai sebuah Majlis Daerah, PBT bagi Daerah Sabak Bernam ini dikenali sebagai penguasa tempatan iaitu Majlis Tempatan dan Lembaga Bandaran. Bidang kuasa meliputi kawasan:



- MAJLIS TEMPATAN SEKINCHAN
- LEMBAGA BANDARAN SABAK BERNAM
- MAJLIS TEMPATAN SUNGAI BESAR
- MAJLIS TEMPATAN SUNGAI AIR TAWAR



SABAK BERNAM

Pengisytiharan MDSB pada tahun 1977 telah memansuhkan pentadbiran 3 buah Majlis Tempatan dan sebuah Lembaga Bandaran yang meliputi kawasan.

| | | | |
|---|---|---|---|
| PEKAN SEKINCHAN | PEKAN SUNGAI BESAR | PEKAN SABAK BERNAM | PEKAN BAGAN TERAP |
| PEKAN SUNGAI NIBONG | PEKAN SIMPANG LIMA | KG. KIAN SIT (SEKINCHAN SITE A) | PEKAN SUNGAI HAJI DORANI |
| PEKAN PARIT BARU | PEKAN SUNGAI AIR TAWAR | PEKAN PASIR PANJANG | PEKAN BAGAN NAKHODA OMAR |

# CARTA **ORGANISASI**

2.3



# MDSB



**AZMAN BIN DAHLAN**, AIS,PPT
YANG DIPERTUA



**MOHD MUKTAFI BIN SARPAN**, PPT
SETIAUSAHA



**MOHD ASHRAFIE BIN MOHD ZAINURI**
PENGARAH ABATAN PERKHIDMATAN KESIHATAN DAN PERSEKITARAN



**TS. MOHD FIRDAUS BIN AHMAD NOR**
PENGARAH JABATAN KEJURUTERAAN



**SR. MOHD NABIL BIN MOHD SULAIMAN**
PENGARAH JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA



**TPR. ROSLAN BIN AMAT ZAINAL**
PENGARAH JABATAN PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN



**HAJAH ROSMAH BINTI HAJI IHSAN**, PPC
PENGARAH JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN



**MOHAMMAD FAIZAL BIN NAWANI**
PENOLONG PENGARAH JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT



**ABD KHALIM BIN HARON**, PPT
PENOLONG PENGARAH JABATAN PENGUATKUASAAN



**HELMI BIN HAMZAH**, PPT
PENOLONG PENGARAH JABATAN PELESENAN



**MOHD SAIRI BIN MUKADI**, PPT
PENOLONG PENGARAH JABATAN LANDSKAP



**NUR AZIERA BINTI ABD RANI**
PENGARAH JABATAN KAWALAN BANGUNAN



**SALEHUDDIN BIN ISMAIL**
PENGARAH JABATAN PERBENDAHARAAN



**FARAH LIYANA BINTI AYOB**
KETUA UNIT PEROLEHAN



**ZAFIYANTI BINTI BORHANUDDIN**
KETUA UNIT AUDIT DALAM



**NUR SUHADA BINTI BAKRI**
KETUA UNIT PERUNDANGAN



**NORAINI BINTI AHMAD@ MD YUSOF**
KETUA UNIT KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM



**TPR. ABDUL RASYID BIN ZAINAL**
KETUA UNIT PUSAT SETEMPAT

# 2.4 FUNGSI MDSB



1. Memberi dan meningkatkan perkhidmatan perbandaran yang terbaik kepada orang ramai.

2. Mewujudkan kawasan dan persekitaran perbandaran yang indah, bersih dan menarik.

3. Memastikan perancangan bandar dan kawalan pembangunan supaya teratur dan tersusun.

4. Memupuk perpaduan di antara rakyat yang berbilang bangsa di samping mewujudkan masyarakat yang bertanggungjawab dan mempunyai kesedaran sivik.

5. Menyelia dan menyelenggara kemudahan awam rekreasi.

# DASAR KUALITI

**1** Membangunkan potensi daerah Sabak Bernam ke arah kecemerlangan di dalam bidang perkhidmatan perbandaran melalui penambahbaikan yang menyeluruh secara berterusan. Majlis Daerah Sabak Bernam komited untuk memastikan kehendak pihak berkepentingan dipenuhi melalui pencapaian objektif-objektif kualiti dan pematuhan terhadap keperluan undang-undang yang disemak secara berkala bagi memastikan keberkesanan sistem

**2** Bersedia untuk menerima setiap teguran dan pandangan yang membina daripada semua pihak untuk kebaikan bersama masyarakat setempat dan pentadbiran Majlis

**3** Bersedia melayani dan membaiki kelemahan daripada aduan awam berhubung perkara yang berkaitan dengan perkhidmatan dan pentadbiran Majlis

**4** Memastikan setiap arahan dan dasar Kerajaan Negeri dilaksanakan dengan segera bagi mencapai matlamat yang ditetapkan

## AKTA

~Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974 (Akta 133)
~Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 176)
~Akta Perancang Bandar Dan Desa 1977 (Akta 172)
~Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757)

A

## PERINTAH

~Perintah Tetap Mesyuarat (MDSB) 2007
~Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) (Mdsb) 2007
~Perintah Pengangkutan Jalan (MDSB) (Pindaan) 2012

B

## ENAKMEN

~Enakmen Mengawal Lembu - Kerbau 1971
~Enakmen Hiburan Dan Tempat -Tempat Hiburan 1995

C

## KAEDAH

~Kaedah-Kaedah Pekerja (Kelakuan Dan Tatatertib (MDSB) 1995

D

## PERATURAN

~Peraturan-Peraturan Hiburan Dan Tempat -Tempat Hiburan (Selangor) 1996
~Peraturan-Peraturan Hiburan Dan Tempat -Tempat Hiburan (Permainan Snuker Dan Video) (Kawalan Dan Penyeliaan) (Selangor) 1996

E

## UNDANG - UNDANG KECIL

~Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam Selangor 1986 Pindaan 2012
~Undang-Undang Kecil Kerja Di Jalan (MDSB) 1996
~Undang-Undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan -Kesalahan)(MDSB) Kerajaan Tempatan 2005
~Undang-Undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) (MDSB) Kerajaan Tempatan Pindaan 2007
~Undang-Undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) (MDSB) Kerajaan Tempatan Pindaan (Pindaan) 2013
~Undang-Undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) (MDSB) Ajpb Pindaan 2005
~Undang-Undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan)(MDSB) Ajpb (Pindaan) 2007
~Undang-Undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan)(MDSB) Ajpb (Pindaan) 2013
~Undang-Undang Kecil Pelesenan Tempat Letak Kereta Persendirian (MDSB) 2005
~Undang-Undang Kecil Tanah Perkuburan Islam (MDSB) 2005
~Undang-Undang Kecil Tandas Awam (MDSB) 2005
~Undang-Undang Kecil Vandalisme (MDSB) 2005
~Undang-Undang Kecil Taman (MDSB) 2005
~Undang-Undang Kecil Pusat Siber Dan Kafe Siber (MDSB) 2007
~Undang-Undang Kecil Krematorium (MDSB) 2007
~Undang-Undang Kecil Pasar (MDSB) 2007
~Undang-Undang Kecil Pelesenan Anjing Dan Rumah Pembiakan Anjing (MDSB) 2007
~Undang-Undang Kecil Iklan (MDSB) 2007
~Undang-Undang Kecil Iklan Pilihanraya (MDSB) 2007
~Undang-Undang Kecil Penjaja (MDSB) 2007
~Undang-Undang Kecil Pelesenan Establisymen Makanan (MDSB) 2007
~Undang-Undang Kecil Pemungutan Pembuangan Dan Pelupusan Sampah Sarap (MDSB) 2007
~Undang-Undang Kecil Kerja Tanah (MDSB) 2007
~Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan Dan Perindustrian (MDSB) 2007
~Undang-Undang Kecil Pengendali Makanan (MDSB) 2007
~Undang-Undang Kecil Pusat Kecantikan Dan Penjagaan Kesihatan (MDSB) 2013
~Undang-Undang Kecil Kolam Renang (MDSB) 2013
~Undang-Undang Kecil Hotel (MDSB) 2013
~Undang-Undang Kecil Pusat Sukan Persendirian (MDSB) 2013
~Undang-Undang Kecil Penternakan Burung Walit Dan Perusahaan Sarang Burung Walit (MDSB) 2013

F

3.0

# SENARIO PERSEKITARAN

3.1 PIHAK BERKEPENTINGAN, PELANGGAN DAN RAKAN STRATEGIK

3.2 ISU - ISU STRATEGIK DAN ANALISA PERSEKITARAN

MDSB MDSB MDSB

# 3.1 PIHAK BERKENTINGAN PELANGGAN DAN RAKAN STRATEGIK

## PIHAK BERKEPENTINGAN

Pihak yang mempunyai kepentingan terhadap keberhasilan sesuatu program.

+ KERAJAAN PERSEKUTUAN
+ KERAJAAN NEGERI SELANGOR
+ KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
+ AHLI MAJLIS

## PELANGGAN

Pihak yang menerima faedah secara langsung atau tidak langsung dari hasil aktiviti yang dijalankan.

+ AGENSI KERAJAAN
+ AGENSI SWASTA
+ ORANG AWAM / PENDUDUK
+ PELAWAT / PELANCONG
+ INSTITUT PENGAJIAN TINGGI / PENDIDIKAN
+ PENERIMA - PENERIMA PERKHIDMATAN
+ PEMBEKAL
+ PEMILIK KEDIAMAN / PREMIS PERNIAGAAN
+ KOMUNITI PERNIAGAAN
+ PERSATUAN KOMUNITI
+ PERUNDING
+ PEMAJU PERUMAHAN
+ KONTRAKTOR
+ PELABUR

## RAKAN STRATEGIK

Suatu organisasi/ kumpulan/ pertubuhan/ entiti yang menjalinkan kerjasama dengan agensi awam dalam bentuk yang tertentu bagi mencapai suatu matlamat bersama.

+ AGENSI KERAJAAN
+ AGENSI SWASTA
+ KEMENTERIAN PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN
+ KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN
+ JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
+ SEMUA PBT
+ BADAN BUKAN KERAJAAN/NGO
+ PLAN MALAYSIA
+ INSTITUSI PERBANKAN
+ ANAK-ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI
+ PEMIMPIN SETEMPAT (AHLI PARLIMEN/ADN)
+ PENGUSAHA SETEMPAT (IKS)
+ GLC KERAJAAN NEGERI
+ PEMAIN INDUSTRI/PELABUR
+ LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (CIDB)
+ JAWATANKUASA PENDUDUK
+ TOURISM SELANGOR SDN.BHD PERUNDING
+ PENYEDIA PERKHIDMATAN
+ MEDIA MASSA DAN ELEKTRONIK
+ SYARIKAT UTILITI
+ PERSATUAN / PERTUBUHAN BUKAN KERAJAAN

# 3.2

# ISU DAN ANALISA PERSEKITARAN

## PENINGKATAN DAN PENGUKUHAN JARINGAN INFRASTRUKTUR DAN PENGURUSAN SUMBER SECARA BERSEPADU

Menyediakan keperluan infrastruktur baharu dan pemodenan utiliti. Mengoptimumkan sumber sedia ada dan memperkasakan industri melalui pertanian moden dan pengurusan tanah secara bersepadu.

## PEMERKASAAN KECEKAPAN PERKHIDMATAN SELARAS DENGAN PENINGKATAN PEMBANGUNAN DAERAH

Keperluan memperkasakan sistem perkhidmatan sedia ada dengan mengaplikasikan pengurusan teknologi terkini. Perkhidmatan organisasi berpaksikan rakyat dan penguatkuasaan yang efektif perlu ditingkatkan melalui pelan pembangunan modal secara menyeluruh.

## PEMERKASAAN SUMBER HASIL OPTIMA DENGAN JARINGAN USAHASAMA PELABUR

Pengukuhan usahasama pelaburan amat penting dalam meningkatkan produktiviti dan pendapatan daerah Sabak Bernam yang kaya dengan hasil pertanian dan perikanan. Kepelbagaian sumber hasil bumi mampu menarik minat para pelabur bagi menjalinkan usahasama dalam mengoptimumkan kepelbagaian sumber yang belum diterokai ke peringkat yang lebih tinggi.



## PENGUKUHAN PERANCANGAN SUMBER MANUSIA DAN MEMPERKASAKAN TEKNOLOGI

Keperluan ini timbul bagi membolehkan hala tuju pengurusan sumber manusia lebih relevan pada masa hadapan. Bagi menyokong keperluan ini, pendekatan pembangunan kompetensi dan kepakaran diperlukan melalui pemantapan pengurusan ilmu dan aset intelektual.Tadbir urus yang baik akan mempertingkatkan etika dan integriti warga MDSB. Kepakaran dalam menggunakan teknologi terkini dapat memenuhi ekspektasi pelanggan yang semakin meningkat khususnya dalam era ledakan teknologi maklumat dan komunikasi semasa.




PANTAI REDANG, SEKINCHAN



04

# HALA TUJU STRATEGIK

4.1 VISI, MISI DAN MOTO DAN SLOGAN

4.2 NILAI - NILAI BERSAMA

MDSB MDSB MDSB

# 4.1 VISI, MISI, MOTO DAN SLOGAN

## VISI

MENUJU KE ARAH PERBANDARAN AGROPOLITAN YANG MAMPAN, DINAMIK, SEJAHTERA DAN BESTARI

## MISI

MEMBANGUNKAN DAERAH MELALUI PENGURUSAN DAYA SUMBER SECARA OPTIMUM BAGI MENYAMPAIKAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN BERKUALITI

## MOTO

SABAK BERNAM KOTA AGROPOLITAN

## SLOGAN

BERDAYA . BERBAKTI . BERKUALITI



# 4.2 NILAI-NILAI BERSAMA

**01**

### MESRA PELANGGAN

**Memberikan perkhidmatan yang cekap, berkualiti, prihatin serta memastikan pelanggan menerima layanan yang mesra,sama rata dan selesa sepanjang masa**

**02**

### DAYA TAHAN / DINAMIK

**Berdaya saing serta mampu melaksanakan pembaharuan dan penyesuaian untuk meningkatkan imej korporat dan identiti organisasi**

**03**

### SISTEMATIK

**Bekerja secara teratur dan pintar bagi melaksanakan perkhidmatan yang cekap**

**04**

### BERETIKA

**Mengamalkan nilai-nilai murni dan berintegriti**

**05**

### HORMAT

**Menyedari kepentingan menghormati hak individu, perbezaan pendapat, latar belakang dan nilai-nilai hubungan interpersonal dikalangan anggota dalam organisasi**

**06**

### BERKEBAJIKAN

**Memastikan kabajikan warga MDSB diberi keutamaan**




BAZAR DORANI PERDANA



5.0

# STRATEGIK DAN FORMULASI TINDAKAN

5.1 TERAS STRATEGIK

5.2 PELAN TINDAKAN

MDSB MDSB MDSB

T1

## PERANCANGAN PEMBANGUNAN

Membangunkan Bandar Agropolitan Pintar (Smart Agropolitan City) Dengan Pemerkasaan Sumber-Sumber Sedia Ada Melalui Program Jerayawara Dan Kolaborasi Bersama Agensi Awam dan Swasta

T2

## KECEKAPAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN

Memantapkan Kecekapan Perkhidmatan Perbandaran Melalui Pelaksanaan Dasar-Dasar Kerajaan



# 5.1 TERAS STRATEGIK 2021 - 2025

MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM

T3

## PENGURUSAN SUMBERDAYA OPTIMA DAN SUMBER HASIL

Memperkasakan Sumber Hasil Secara Proaktif Dan Dinamik Melalui Usahasama Pintar

T4

## KECEMERLANGAN ORGANISASI

Mempertingkatkan Kecemerlangan Organisasi Melalui Pembangunan Modal Insan Dan Pendigitilan






# TERAS 1

## PERANCANGAN PEMBANGUNAN

**S01** Membangunkan Daerah Sabak Bernam Sebagai Kota Agropolitan Pintar Melalui Pengukuhan Program Agrointeraktif Ekonomi

**S02** Memperkasakan Kompleks Agropolitan Sabak Bernam Melalui Inisiatif Bersepadu Yang Dilaksanakan Secara Holistik

**S03** Memperkasakan Semula Pembangunan Tanah dan Mengeksploitasi Sumberjaya Daerah Untuk Meningkatkan Peluang Ekonomi

# TERAS 1 | PELAN TINDAKAN

## PERANCANGAN PEMBANGUNAN

| STRATEGI 01 | **Membangunkan Daerah Sabak Bernam Sebagai *Smart Agropolitan City* Melalui Pengukuhan Program Agrointeraktif Ekonomi** | | | |
|---|---|---|---|---|
| Program | Indikator sasaran (kuantiti/kualiti) | Sasaran (Bil./Peratus) | Tahun/ Tempoh Sasaran | Bahagian Bertanggung jawab |
| 1) Kerjasama Dengan Pihak Berkepentingan.<br>a) MOTAC Melalui Usahasama Mempromosikan Produk pelancongan<br>b) Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor | Bilangan MOU | 2 | 2021-2025 | **Peneraju**<br>JPP<br>**Ahli**<br>JP<br>JL<br>JPM<br>UKPA |
| 2) Kluster pertanian berkonsepkan Rumah Dusun Pintar untuk pembangunan pertanian secara komprehensif | Keluasan Tanah | 30 Ekar | 2023 | **Peneraju**<br>JPP<br>**Ahli**<br>JL<br>UKPA |
| 3) Menaiktaraf jaringan internet ke 5G | Peratus Kawasan Liputan Penempatan | 100% | 2025 | **Peneraju**<br>JPP<br>**Ahli**<br>BTM<br>JP |

# TERAS 1 | PELAN TINDAKAN

## PERANCANGAN PEMBANGUNAN

| STRATEGI 02 | Memperkasakan Kompleks Agropolitan Sabak Bernam Melalui Inisiatif Bersepadu Yang Dilaksanakan Secara Holistik | | | |
|---|---|---|---|---|
| Program | Indikator sasaran (kuantiti/kualiti) | Sasaran (Bil./Peratus) | Tahun/ Tempoh Sasaran | Bahagian Bertanggung jawab |
| 1) Projek Kompleks Agropolitan Secara Bersepadu Bersama<br>a) Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam (PDTSB)<br>b) Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV)<br>c) Lembaga Perumahan dan Harta Selangor (LPHS)<br>d) Pemodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB) | Bilangan Kompleks | 1 Kompleks Kasa<br>1 Rawat dan Rehat | 2025 | **Peneraju**<br>JPP<br><br>**Ahli**<br>JK<br>JKB<br>JP<br>UP |
| 2) Program Bersama Agensi Bagi Menarik Pengusaha Dan Pelabur<br>a) Invest Selangor Berhad<br>b) Malaysia Investment Development Autority (MIDA)<br>c) Federation Of Malaysian Manufacturers (FMM) | Bilangan Program | 3 | 2021-2025 | **Peneraju**<br>JPP<br><br>**Ahli**<br>UKPA<br>JP<br>JL |
| 3) Program Penyelidikan dan Pembangunan Produk Pertanian Bersama Agensi Kerajaan | Bilangan Program Penyelidikan dan Pembangunan | 2 | 2023-2024 | **Peneraju**<br>JPP<br><br>**Ahli**<br>UKPA |

# TERAS 1 | PELAN TINDAKAN

## PERANCANGAN PEMBANGUNAN

| STRATEGI 03 | Memperkasakan Semula Pembangunan Tanah dan Mengeksploitasi Sumberjaya Daerah Untuk Meningkatkan Peluang Ekonomi | | | |
|---|---|---|---|---|
| Program | Indikator sasaran (kuantiti/kualiti) | Sasaran (Bil./Peratus) | Tahun/ Tempoh Sasaran | Bahagian Bertanggung jawab |
| 1) Mengoptimumkan Sumber Hutan Semulajadi Sebagai Produk Pelancongan Dan Penyelidikan | Bilangan Projek Pembangunan/ Bilangan Peratus Hutan | 1 Projek | 2022 | **Peneraju** JPP **Ahli** JL JPM UKPA |
| 2) Pembangunan Semula Pekan Sungai Air Tawar Dan Pekan Bagan Nakhoda Omar Sebagai Hub Pertanian Pintar | Bilangan Pelan Pembangunan | 2 Pelan | 2022 | **Peneraju** JPP **Ahli** JKB |
| 3) Mewujudkan Institusi Pendidikan Berasaskan Teknologi Agro Baharu | Bilangan Institusi | 2 Pusat Latihan | 2023-2024 | **Peneraju** JPP **Ahli** JPM UKPA |





# TERAS 2

## KECEKAPAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN

**S01** Memperkasakan Sistem Yang Bestari Dalam Melaksanakan Dasar–Dasar Kerajaan Semasa Untuk meningkatkan Kesedaran Masyarakat

**S02** Memperkasakan Pengoperasian dan Pemantauan Perkhidmatan Perbandaran

# TERAS 2 | PELAN TINDAKAN

## KECEKAPAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN

| STRATEGI 01 | Memperkasakan Sistem Yang Bestari Dalam Melaksanakan Dasar-Dasar Kerajaan Semasa Untuk Meningkatkan Kesedaran Masyarakat | | | |
|---|---|---|---|---|
| Program | Indikator sasaran (kuantiti/kualiti) | Sasaran (Bil./Peratus) | Tahun/ Tempoh Sasaran | Bahagian Bertanggung jawab |
| 1) Program Pembangunan Sistem Baharu | Bilangan sistem yang dibangunkan | 10 sistem | 2021-2025 | **Peneraju**<br>BTM<br><br>**Ahli**<br>JKB<br>JK<br>JPL<br>JPK<br>UP<br>UKPA |
| 2) Menyediakan Saluran dan Platform Yang Bestari | Peningkatan bilangan saluran/platform | 5 saluran | 2021-2025 | **Peneraju**<br>BTM<br><br>**Ahli**<br>JKB<br>JK<br>JPL<br>JPK<br>UP<br>UKPA |

# TERAS 2 | PELAN TINDAKAN

**KECEKAPAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN**

| **STRATEGI 02** | **Memperkasakan Pengoperasian Dan Pemantauan Perkhidmatan Perbandaran** | | | |
|---|---|---|---|---|
| Program | Indikator sasaran (kuantiti/kualiti) | Sasaran (Bil./Peratus) | Tahun/ Tempoh Sasaran | Bahagian Bertanggung jawab |
| 1) Menyediakan Pelan Induk Infrastruktur yang komprehensif dan sistematik | Bilangan pelan | 1 pelan | 2021-2025 | **Peneraju**<br>JK<br><br>**Ahli**<br>JPP |
| 2) Anjakan Minda Komuniti di Dalam Memelihara Kemudahan Awam | Bilangan program | 10 program | 2021-2025 | UKPA |
| 3) Memperkasa Ciri-Ciri Keselamatan Perbandaran | Bilangan projek | 3 projek | 2021-2025 | JPP |
| 4) Pembangunan Hijau Untuk Kesejahteraan Bandar Mampan | Bilangan program | 5 program | 2021-2025<br><br><br>2021-2025 | **Peneraju**<br>JPP<br><br>**Ahli**<br>JL<br>UKPA |
| 5) Program Penguatkuasaan yang harmoni dan konsisten | Bilangan program | 5 program | 2021-2025 | **Peneraju**<br>UP<br><br>**Ahli**<br>JPK<br>JKB<br>JK<br>JPKP<br>JPL<br>JPP<br>JPPH<br>JP<br>JL |



PARIT 1 TIMUR, SUNGAI BESAR





# TERAS 3

## PENGURUSAN SUMBER DAYA OPTIMA DAN SUMBER HASIL

**S01** Mempertingkatkan Kepelbagaian Hasil Baharu Melalui Penerokaan Sumber-Sumber Agroekonomi

**S02** Mempergiatkan Penyertaan MDSB Selaku Pemilik Bersama Dalam Pembangunan Antara Pihak Industri dan Pengusaha

# TERAS 3 | PELAN TINDAKAN

**PENGURUSAN SUMBER DAYA OPTIMA DAN SUMBER HASIL**

| **STRATEGI 01** | **Mempertingkatkan Kepelbagaian Hasil Baharu Melalui Penerokaan Sumber-Sumber Agroekonomi** | | | |
|---|---|---|---|---|
| Program | Indikator sasaran (kuantiti/kualiti) | Sasaran (Bil./Peratus) | Tahun/ Tempoh Sasaran | Bahagian Bertanggung jawab |
| 1) Penyediaan Prasarana Asas Sebagai Insentif Pemula Kepada Pelabur Industri Agroekonomi | Bilangan kawasan | 2 kawasan | 2021-2025 | **Peneraju** JK<br>**Ahli** JPP |
| 2) Insentif Pengurangan Cukai Taksiran dan Fi Lesen Kepada Pelabur Bagi Tempoh Dua Tahun Pertama Selepas Pembangunan Siap Sepenuhnya | Bilangan pelabur | 5 pelabur | 2021-2025 | **Peneraju** JPPH<br>**Ahli** JPL |

# TERAS 3 | PELAN TINDAKAN

**PENGURUSAN SUMBER DAYA OPTIMA DAN SUMBER HASIL**

| STRATEGI 02 | Mempergiatkan Penyertaan MDSB Selaku Pemilik Bersama Dalam Pembangunan Antara Pihak Industri dan Pengusaha | | | |
|---|---|---|---|---|
| Program | Indikator sasaran (kuantiti/kualiti) | Sasaran (Bil./Peratus) | Tahun/ Tempoh Sasaran | Bahagian Bertanggung jawab |
| 1) Pengenalpastian tanah untuk pewartaan kepada Kerajaan Negeri | Keluasan tanah | 35 ekar tanah | 2021-2025 | JPP |
| 2) Pemajuan tanah warta MDSB dengan pembangunan baharu | Bilangan projek | 3 projek pembangunan | 2021-2025 | JPP |
| 3) Pengenalpastian tapak milik MDSB yang mempunyai potensi penyewaan baru bagi tujuan pembinaan struktur telekomunikasi | Bilangan struktur telekomunikasi | 10 penyewaan tapak | 2021-2025 | JPPH |
| 4) Promosi tapak/tanah kerajaan bagi tujuan pembangunan bercampur di kawasan Sungai Lang, Sungai Air Tawar | Bilangan projek pembangunan | 2 projek industri<br>3 skim perumahan<br>2 skim perniagaan | 2021-2025 | **Peneraju**<br>JPP<br><br>**Ahli**<br>UKPA |





SAWAH PADI, SABAK BERNAM







# TERAS 4

## KECEMERLANGAN ORGANISASI

**S01** Memperkasakan Keupayaan Kakitangan Melalui Pembangunan Organisasi Dan Kompetensi

**S02** Memperkukuhkan Pembangunan Sistem Elektronik dan Pendigitalan Yang Mesra Pengguna

**S03** Memantapkan Imej Korporat Melalui Sistem Pengurusan Kualiti Yang Cemerlang

# TERAS 4 | PELAN TINDAKAN

## KECEMERLANGAN ORGANISASI

| **STRATEGI 01** | **Memperkasakan Keupayaan Kakitangan Melalui Pembangunan Organisasi Dan Kompetensi** | | | |
|---|---|---|---|---|
| Program | Indikator sasaran (kuantiti/kualiti) | Sasaran (Bil./Peratus) | Tahun/ Tempoh Sasaran | Bahagian Bertanggung jawab |
| 1) Penstrukturan Semula Organisasi | Bilangan penstrukturan | 1 kali | 2021-2025 | JKP |
| 2) Program Kesedaran Kesihatan | Bilangan program | 5 kali | 2021-2025 | **Peneraju** JKP<br>**Ahli** JPKP |
| 3) Penyampaian Perkhidmatan Psikologi Yang Menyeluruh | Bilangan kaunseling | 35 sesi | 2021-2025 | **Peneraju** JKP<br>**Ahli** AKRAB |
| 4) Mempertingkatkan Pengetahuan Teknikal Bagi Kakitangan Terlibat | Peratus kakitangan yang diberikan latihan<br><br>Kekerapan sesi teknikal *update* | 80%<br><br>4 kali setahun | 2021-2025 | **Peneraju** JKP<br>**Ahli** JK<br>JLS<br>JKB<br>JPP<br>OSC |
| 5) Pendedahan dan Peningkatan Kecekapan Personal Penguatkuasaan | Peratus kakitangan yang diberikan latihan<br><br>Kekerapan sesi *hands on* | 80%<br><br>2 kali setahun | 2021-2025 | **Peneraju** JKP<br>**Ahli** JPK |

# TERAS 4 | PELAN TINDAKAN
## KECEMERLANGAN ORGANISASI

| STRATEGI 02 | Memperkukuhkan Pembangunan Sistem Elektronik dan Pendigitalan Yang Mesra Pengguna | | | |
|---|---|---|---|---|
| Program | Indikator sasaran (kuantiti/kualiti) | Sasaran (Bil./Peratus) | Tahun/ Tempoh Sasaran | Bahagian Bertanggung jawab |
| 1) Pembangunan Sistem Penyampaian Perkhidmatan:<br>a) ePBT 2.0<br>b) Sistem CEpat (Citizen e-Payment)<br>c) Sistem OSC 3.0 Plus<br>d) Menaiktaraf Sistem Aset | Bilangan sistem dan Aplikasi | 4 sistem | 2021-2025 | **Peneraju**<br>BTM<br><br>**Ahli**<br>JP<br>JPPH<br>JPL |
| 2) Menaiktaraf Infrastruktur Teknologi Maklumat:<br>a) Menaiktaraf Talian Internet 30Mbps | Bilangan naiktaraf | 2 kali | 2021-2025 | BTM |

# TERAS 4 | PELAN TINDAKAN

## KECEMERLANGAN ORGANISASI

| STRATEGI 03 | Memantapkan Imej Korporat Melalui Sistem Pengurusan Kualiti Yang Cemerlang | | | |
|---|---|---|---|---|
| Program | Indikator sasaran (kuantiti/kualiti) | Sasaran (Bil./Peratus) | Tahun/ Tempoh Sasaran | Bahagian Bertanggung jawab |
| 1) Pembudayaan Hasil Inovasi | Bilangan produk | 5 produk | 2021-2025 | **Peneraju**<br>JKP<br><br>**Ahli**<br>Semua Jabatan/ Bahagian/Unit |
| 2) Pembangunan Pelan Pengurusan<br>a) Pelan Pengurusan Risiko Rasuah<br>b) Pelan Pengurusan Risiko | Bilangan Pelan | 2 pelan | 2021-2023 | **Peneraju**<br>UI<br>JKP<br><br>**Ahli**<br>Semua Jabatan/ Bahagian/Unit |
| 3) Semakan Manual Korporat | Bilangan semakan | 1 kali | 2022 | UKPA |
| 4) Pembudayaan Ekosistem Kondusif Sektor Awam:<br>a) Stadium<br>b) Dewan Seri Bernam | Bilangan stadium<br>Bilangan dewan | 2<br>1 | 2021-2025 | **Peneraju**<br>JKP<br><br>**Ahli**<br>JK<br>JLS<br>UKPA<br>UAD<br>JKB<br>JPK |

# 6.0

# PEMANTAUAN
## DAN KAJIAN SEMULA

MDSB MDSB MDSB

# PEMANTAUAN DAN KAJIAN SEMULA
## PELAN STRATEGIK 2021-2025 MDSB

| PERKARA | 2021 | 2022 | 2023 | 2024 | 2025 |
|---|---|---|---|---|---|
| Mesyuarat Pemantauan Pelan Strategik 2021-2025 MDSB | Oktober | Februari | Februari | Februari | Februari |
| Penilaian Pencapaian Tahun Pertama | | Januari | | | |
| Penilaian Pencapaian Tahun Kedua | | | Januari | | |
| Kajian Semula Pelan Strategik | | | Julai | | |
| Penilaian Pencapaian Tahun Ketiga | | | | Januari | |
| Penilaian Pencapaian Tahun Keempat | | | | | Januari |
| Penilaian Pencapaian Tahun Kelima | | | | | Disember |



# 7.0

## PENCAPAIAN MDSB
## 2016 - 2020

MDSB MDSB MDSB

## 2016

- Anugerah Emas Mini Konvensyen Team Excellence Wilayah Selatan
- Finalis Konvensyen KIK Perkhidmatan Awam Negeri Selangor
- Finalis Anugerah Inovasi Negeri Selangor
- Empat Produk memasuki Peringkat Akhir dalam Inovasi
- Juara Pameran KIK Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Negeri Selangor
- Naib Juara Teknikal KIK Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Negeri Selangor
- Hadiah Penghargaan Kategori PBT Anugerah Inovasi Peringkat Negeri Selangor

PENCAPAIAN MDSB 2016 - 2020





# 2017

- Tempat Ketiga kategori Sektor Awam (Negeri) Konvensyen Team Excellence Peringkat Kebangsaan Sempena Annual Productivity & Innovation Conference and Exposition (APIC 2017)
- Anugerah Emas (Tiga Bintang) Konvensyen Team Excellence Peringkat Kebangsaan Sempena APIC 2017
- 10 kumpulan terbaik Sektor Awam (Negeri) pada Konvensyen Team Excellence Peringkat Kebangsaan Sempena APIC 2017
- Anugerah Emas semasa Konvensyen Mini Team Excellence 2017 Wilayah Selatan
- Anugerah Emas semasa Konvensyen Team Excellence 2017 Wilayah Selatan
- Anugerah Emas semasa Konvensyen Team Excellence 2017 Wilayah Utara
- Tempat Ketiga Kategori Penyampaian Perkhidmatan di Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Negeri Selangor
- Anugerah Khas Inovasi Negeri Selangor semasa Majlis Apresiasi Inovasi Negeri Selangor
- Johan Sempena Perbarisan Sambutan Hari Kemerdekaan Ke-60 Peringkat Negeri Selangor
- Naib Johan Perbarisan Sambutan Maulidur Rasul 1439H/2017 Kategori Badan Berkanun/ Swasta
- Sijil 100% KPI HRMIS Tahun 2016
- Sijil Bersih Tanpa Teguran Penyata Kewangan Tahun 2016 oleh Jabatan Audit Negara






- Tempat Ke-5 Sempena Perbarisan Sambutan Hari Kemerdekaan Ke-61 Peringkat Negeri Selangor
- Kumpulan Ynot@MDSB menerima Anugerah Emas semasa Konvensyen Mini Team Excellence 2018 Wilayah Tengah
- Kumpulan Ynot@MDSB menerima Anugerah Emas semasa Konvensyen Team Excellence 2018 Wilayah Utara
- Kumpulan Ynot@MDSB menerima Anugerah Emas semasa Konvensyen Team Excellence Peringkat Kebangsaan
- Kumpulan iSIX Inspirasi menerima Anugerah Emas semasa International Convention On Quality Control Circle (ICQCC) 2018 di Singapura
- Kumpulan Ynot@MDSB menerima Hadiah Penghargaan Kategori Pihak Berkuasa
- Tempatan di Anugerah Inovasi Negeri Selangor Tahun 2018 sempena Majlis Apresiasi Inovasi Negeri Selangor
- Majlis Daerah Sabak Bernam menerima Anugerah Khas Inovasi Negeri Selangor
- Pengiktirafan Khas: Pengekalan Elemen Desa – MDSB bersempena Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia Negeri Selangor
- 4 Bintang : Anugerah Pengurusan Pejabat dan Pentadbiran Cemerlang (APPC)
- 4 Bintang : Naziran Penarafan Bintang Standard Kualiti Pelaksanaan Program Akrab dan Program Pementoran (SKPSi) oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
- 5 Bintang : Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) 2018 oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
- Sijil Pengiktirafan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) Do-It-Yourself (DIY) oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia, Jabatan Perdana Menteri (MAMPU)
- Pensijilan Sistem Pengurusan Kualiti QMS ISO 9001:2015 oleh SIRIM
- Anugerah Penarafan 5 Bintang Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) Tahun 2018 oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

2018






## 2019

- Johan Kategori Inovasi Penyampaian Perkhidmatan (Penciptaan) bersempena Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Peringkat Negeri Selangor Tahun 2019 (MPIPANS)
- Hadiah Utama Anugerah Inovasi Negeri Selangor (AINS) Kategori Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) – AIM FORCE di Malaysia International Trade & Exhibition Centre (MITEC),Kuala Lumpur
- Anugerah Khas Inovasi Negeri Selangor 2019 Sempena Selangor R&D And Innovation EXPO 2019 di (MITEC), Kuala Lumpur
- Sijil Penghargaan Atas Pencapaian Cemerlang 100% KPI HRMIS

## 2020

Anugerah Emas bagi Konvensyen Team Excellence Peringkat Mini (MTEx) Wilayah Tengah Tahun 2020 anjuran Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) secara atas talian (online)

Anugerah Emas bagi Regional Innovation Showcase On Team Excellence (RISTEx) 2020 Wilayah Selatan anjuran Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) secara atas talian (online)

Sijil Penghargaan Atas Pencapaian Cemerlang 100% KPI HRMIS Tahun 2019

Sijil bersih tahun 2020 daripada Jabatan Audit Negara

Anugerah Emas bagi Annual Productivity & Innovation Conference And Exposition (APIC) 2020 anjuran Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) secara atas talian (online)

Pencapaian 3 bintang – Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Negeri Selangor (MPIPANS) anjuran Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Kumpulan D'Elite

Pencapaian 3 bintang – Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Negeri Selangor (MPIPANS) anjuran Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Kumpulan Dinamikari

Pencapaian 100% melengkapkan pembancian sempena banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 daripada Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Selangor (Satu-satunya PBT di Selangor mencapai 100%)







SUNGAI PANJANG, SUNGAI BESAR



# 8.0

# PENUTUP

MDSB MDSB MDSB



# 8.0 PENUTUP

Pelan Strategik 2021-2025 merupakan hala tuju pembangunan Daerah Sabak Bernam bagi tempoh lima tahun yang dirangka berdasarkan visi dan misi Majlis Daerah Sabak Bernam iaitu membangunkan daerah melalui pengurusan daya sumber secara optimum bagi penyampaian perkhidmatan yang berkualiti serta menuju ke arah Perbandaran Agropolitan yang Mampan, Dinamik, Sejahtera dan Bestari. Teras pelan strategik yang dibangunkan dengan menyesuaikan program-program di dalam strategi diharapkan dapat mencapai sasaran yang dirancang supaya memenuhi kehendak, jangkaan dan keperluan semasa.

Tempoh pelaksanaan pelan ini akan tamat pada tahun 2025, maka penyediaan sebuah pelan baharu perlu dirancang lebih awal supaya wujud kesinambungan terhadap pembangunan Daerah Sabak Bernam. Penyediaan pelan baharu pada waktu ini mestilah menepati kehendak pihak berkepentingan, pelanggan dan rakan strategik.

Justeru itu, diharap penyediaan pelan strategik ini dapat dijadikan sebagai rangka kerja kepada pihak pengurusan untuk memantau hala tuju MDSB agar lebih teratur serta bersistematik demi kesejahteraan penduduk Daerah Sabak Bernam dan kemakmuran ekonomi yang lebih mampan.



PEKAN SABAK

D' MUARA MARINE PARK



# GLOSARI

| | |
|---|---|
| JKP | Jabatan Khidmat Pengurusan |
| JPP | Jabatan Perancangan dan Pembangunan |
| JPL | Jabatan Pelesenan |
| JPK | Jabatan Penguatkuasa |
| JK | Jabatan Kejuruteraan |
| JKB | Jabatan Kawalan Bangunan |
| JPPH | Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta |
| JP | Jabatan Perbendaharaan |
| JPKP | Jabatan Perkhidmatan Kesihatan dan Persekitaran |
| JPM | Jabatan Pembangunan Masyarakat |
| UKPA | Unit Korporat dan Perhubungan Awam |
| UAD | Unit Audit Dalam |
| UP | Unit Perundangan |
| OSC | Unit Pusat Setempat |
| BTM | Bahagian Teknologi Maklumat |
| LPHS | Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor |
| PTDSB | Pejabat Tanah dan Daerah Sabak Bernam |
| UUK | Undang-Undang Kecil |
| CIDB | Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia |
| MOTAC | Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia |

MDSB

**MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM**
JALAN DEWAN, 45300 SUNGAI BESAR
SELANGOR DARUL EHSAN

TEL: 03-3224 1655 | FAKS: 03-3224 5399

www.mdsb.gov.my

majlis_daerah_sabak_bernam

/MajlisDaerahSabakBernam/

@MDSabakBernam